

Naza TTDI bakal lancar projek RM1.4 bilion

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JULAI

NAZA TTDI Sdn. Bhd., merancang untuk melancarkan projek bernilai RM1.4 bilion pada separuh kedua 2016 berikutan prospek segmen hartanah yang positif.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, permintaan pelaburan hartanah dijangka meningkat susulan langkah pengurangan kadar dasar semalaman (OPR).

Katanya, Naza TTDI sedang membangunkan tanah seluas 1.7 hektar di KL Metropolis, Jalan Duta dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.2 bilion, terdiri daripada dua menara komersial dan satu blok kediaman perkhidmatan mewah.

Ujarnya lagi, satu daripada menara komersial berkenaan bernilai RM300 juta sudah memiliki pembeli dan syarikat dalam proses mendapatkan satu lagi pembeli sebelum akhir tahun.

“Sentimen pasaran yang agak lemah menyebabkan pembeli dan pelabur lebih memilih hartanah dengan hasil sewa yang tinggi dan akses luas mendapat permintaan tinggi.

“Kami melihat trend ini sebagai perkembangan sihat untuk pasaran hartanah Malaysia serta buat pembeli dan pemaju hartanah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pasaran hartanah masih ber-

daya tahan, pelancaran TTDI Segaris yang menerima sambutan memberangsangkan adalah bukti potensi pembangunan kawasan perumahan yang mantap.

Jenama Naza TTDI yang sinonim dengan Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) terus menyediakan pelanggan dengan keyakinan tinggi, mengutamakan nilai dan kualiti.

TTDI Alam Impian di Shah Alam dijangka mengalami tahap pemedanan baharu apabila bangunan kediaman tinggi pertama menyetai kejiranan tidak lama lagi.

Pelancaran rasmi TTDI Olivira dijadualkan pada Ogos ini,



SM FALIQ SM NASIMUDDIN



TTDI Alam Impian antara projek hartanah yang dibangunkan oleh Naza TTDI.